

BN Mampu Menang PRU Ke-13 Jika Semua Utamakan Parti - Rafidah Bernama
28 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) mampu memenangi pilihan raya umum ke-13 jika semua jenteranya bersatu dan bekerja dengan lebih gigih, kata bekas Ketua Pergerakan Wanita UMNO Tan Sri Rafidah Aziz.

Rafidah yang juga Anggota Parlimen Kuala Kangsar berkata kerajaan BN sudah melaksanakan pelbagai pembangunan untuk manfaat rakyat dan ia mampu menjadi kerajaan bertanggungjawab yang boleh membawa negara terus ke hadapan.

Sambil menyifatkan BN sebagai "kelambu" yang sekian lama melindungi rakyat, beliau meminta mereka menilai pentingnya "kelambu" itu buat mereka.

"Jangan kerana ada sedikit pijat kita bertindak membakar kelambu. Kalau terdapat lubang-lubang pada kelambu, kita tolong perbaikinya. Pijat dibuang tapi kelambu jangan dibakar," katanya pada sesi santai "Teh Tarik Bersama YB" di sini Selasa malam.

Rafidah berkata jika tidak kerana kerajaan BN, Malaysia tidak akan melihat pencapaian seperti hari ini.

Pemimpin veteran Umno itu juga mengulangi hasratnya untuk melepaskan kerusi Parlimen Kuala Kangsar bagi memberi laluan kepada muka baru.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655306>